

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Marin Kargo. Pastikan juga anda telah membaca terma – terma dan syarat – syarat am).

# Insurans Marin Kargo

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi kerugian atau kerosakan ke atas barangan anda disebabkan oleh peril diinsuranskan ketika di dalam perjalanan transit daripada satu tempat ke tempat yang lain dengan pengangkutan laut, udara atau darat.

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jenis perlindungan yang diberikan seperti berikut:-

a) Peraturan Fasal Kargo (A) 1.1.82

Ia merupakan bentuk perlindungan yang paling luas. Polisi ini melindungi kesemua risiko kerugian atau kerosakan ke atas barangan kecuali perkara-perkara yang dinyatakan dalam fasal pengecualian.

b) Peraturan Fasal Kargo (B) 1.1.82

Polisi ini melindungi kerugian atau kerosakan ke atas barangan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada:-

- kebakaran atau letupan
- kapal terkandas, tersadai, tenggelam atau terbalik
- kenderaan barangan darat terbalik atau terbabas
- kapal atau kenderaan barangan terlanggar atau bersentuhan dengan apa-apa objek luaran yang selain daripada air
- pemunggahan kargo dari kapal di pelabuhan yang berlaku kekecohan
- gempa bumi, letusan gunung berapi atau kilat
- pengorbanan purata am
- pembuangan muatan bagi mengurangkan bebanan kapal
- terjatuh ke laut akibat badai
- caj purata am dan caj barang-barang yang diselamatkan
- air dari laut, tasik atau sungai masuk di dalam kapal pengangkut kontena, van pengangkat atau tempat penyimpanan
- kerugian keseluruhan bagi mana-mana kehilangan pakej akibat terjatuh ke dalam air ketika dimuat naik atau di maut turun dari kapal

c) Peraturan Fasal Kargo (C) 1.1.82

- kebakaran atau letupan
- kapal terkandas, tersadai, tenggelam atau terbalik
- kenderaan barangan darat terbalik atau terbabas
- kapal atau kenderaan barangan terlanggar atau bersentuhan dengan apa-apa objek luaran yang selain daripada air
- pemunggahan kargo dari kapal di pelabuhan yang berlaku kekecohan
- pengorbanan purata am
- pembuangan muatan bagi mengurangkan bebanan kapal
- caj purata am dan cag sisaan

NOTA: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam polisi.

Dengan bayaran premium tambahan, perlindungan polisi ini boleh dilanjutkan keatas perlindungan berikut:-

- a. Perang seperti yang termaktub dalam Peraturan Fasal Perang (Kargo)
- b. Mogok seperti yang termaktub dalam Peraturan Fasal Mogok (Kargo)

### 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jenis barangan, cara pengangkutan, pelayaran, perlindungan yang dihendaki dan keperluan pengunderaitan kami.

### 4. Apakah kadar dan caj yang saya perlu bayar?

Sebagai tambahan kepada premium, anda perlu membayar:	Jumlah
a) Cukai Barang dan Perkhidmatan (jika ada)	0% daripada premium
b) Duti Setem	RM10

Premium yang anda perlu bayar termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara insurans, jika ada, berjumlah 15% daripada premium.

### 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Kewajipan pendedahan** : anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta yang mana anda ketahui atau harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan pada borang anda, jika tidak, polisi anda akan dianggap tidak sah dan dimansuhkan.

Anda harus memastikan barangan anda diinsuranskan berdasarkan kos asas barangan dicampur dengan perbelanjaan dan kos tambahan ke atas pengangkutan yang dipertanggungjawabkan kepada anda dan caj-caj insurans.

- **Lebih** : Amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami menanggung rugi anda.

### 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- a. kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh salah laku yang disengajakan oleh Pihak yang diinsuranskan
- b. kerugian, kerosakan atau perbelanjaan berpunca daripada keburukan sedia ada atau sifat subjek yang diinsuranskan
- c. kebocoran biasa, kehilangan berat atau jisim biasa atau kehausan dan keusangan biasa pada subjek yang diinsuranskan
- d. kerugian, kerosakan atau perbelanjaan berpunca daripada kemufliisan atau kegagalan kewangan oleh pihak pemilik, pengurus, penyewa atau operator kapal
- e. kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang timbul dari ketidaklayakan kapal untuk belayar atau ketidaksesuaian untuk mengangkut subjek diinsuranskan dengan selamatnya dan di mana Pihak yang diinsuranskan telah merahsiakan ketidaksesuaian sedemikian pada masa subjek yang diinsuranskan dimuat naik di tempat berkenaan
- f. kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh ketidakcukupan atau ketidaksesuaian pembungkusan atau persediaan pada subjek yang diinsuranskan

- g. kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh penangguhan, biarpun penangguhan tersebut berpunca daripada risiko yang diinsuranskan
- h. kerugian, kerosakan atau perbelanjaan timbul daripada penggunaan mana-mana senjata atau peralatan perang yang menggunakan pembelahan atom atau nuklear dan/atau gabungannya atau lain-lain reaksi yang serupa atau kekuatan atau bahan radioaktif

NOTA: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh berkenaan pengecualian di bawah polisi ini.

**7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?**

Polisi ini tiada syarat pembatalan.

**8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perihal saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pada kami tentang sebarang perubahan butiran perihal anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

**9. Apakah yang harus saya lakukan jika berlaku kemalangan?**

Anda mesti memberitahu kami atau Penyelaras yang dinyatakan di polisi secara bertulis dengan menyertakan butir-butir penuh secepat mungkin. Pemberitahuan awal adalah perlu bagi mengelakkan sebarang prejudis atas tuntutan anda.

**10. Apakah yang harus saya lakukan apabila membuat tuntutan?**

Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen kepada kami atau agen penyelesaian yang dinyatakan dalam polisi dan memberi kerjasama kepada kami atau penyelaras/ agen penyelesaian yang di lantik oleh kami bagi menilai tuntutan anda.

**11. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami atau pengantaraan insurans anda atau layari laman web kami di [www.mpigenerali.com](http://www.mpigenerali.com)

MPI Generali Insurans Berhad  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)  
8th Floor, Menara Multi-Purpose  
Capital Square  
8, Jalan Munshi Abdullah  
50100 Kuala Lumpur

Tel: +603 2034 9888  
Fax: +603 2694 5759  
Email: [generalenquiries@mpigenerali.com](mailto:generalenquiries@mpigenerali.com)

**12. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan?**

- Insurans Barangan Dalam Transit



**MPI Generali Insurans Berhad** (14730-X)

**NOTA PENTING:**

**ANDA DI NASIHATKAN PERLINDUNGAN, PENGECEUALIAN DAN PEMBATASAN FAEDAH-FAEDAH YANG DI TEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK.**

**ANDA HARUS MEMUASKAN DIRI IAITU POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA YANG TERBAIK. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.**

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/06/2018